

Harga barang: Amaran Dr. M

'Jangan jual mengikut harga lama'

KUALA LUMPUR, Khamis — Tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang menjual barang-barang seperti TV warna dan TV hitam putih mengikut harga lama selepas tempoh ber-tenang diberi kepada mereka, kata Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Dr. Mahathir berkata buah-buahan yang diimport sudah sepatutnya dijual dengan harga baharu sekarang.

Beliau memberitahu para pemberita selepas merasmikan persidangan tiga hari untuk Pegawai Daerah di sini tempoh itu pasti akan berakhir tahun ini dan ia bertujuan menongkang penjual menurunkan harga dan bukannya mengelak kerugian.

Timbalan Perdana Menteri berkata mereka yang melakukan kesalahan itu akan didakwa kerana cuba mengambil untung dan alasan stok lama belum habis dijual tidak boleh diterima.

Tambahan pula bila sahaja cukai ke atas barang-barang tersebut naik, pihak penjual akan menaikkan harga serta-merta untuk mendapat untung daripada stok lama, lambanya.

Dato Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian berkata beliau mahu rakyat berpeliang membeli TV warna tahun ini juga dan tidak akan membiarkan sebarang tindakan yang boleh menyekat faedah cadangan-cadangan pengurangan cukai dalam belanjawan daripada dinikmati oleh mereka.

Beliau berkata walaupun sukar untuk menampak mereka yang melakukan kesalahan itu, mereka yang ditangkap akan dijadikan teladan.

Selain daripada tindakan tegas itu, beliau juga akan menimbang membenarkan orang ramai mengimport TV warna bagi menjualnya dengan harga rendah jika arahan kerajaan telah tidak dipatuhi secara yang memuakan.



Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

■ **DATO Seri Dr. Mahathir** sedang berpuas budi dengan beberapa orang Pegawai Daerah dan Jajanan selepas merasmikan persidangan tiga hari Pegawai-pejabat Daerah di Pusat Komputer, Jabatan Perdana Menteri di Kuala Lumpur kelmarin. — Gambar BH oleh YUSOF OMAR.

No. Sesi: 1463

No. Ruj: 1124/80